

Kerajaan tak cadang kenakan caj kenderaan masuk bandar

Selain beban rakyat kemudahan pengangkutan awam menyeluruh masih dalam proses pembangunan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak bercadang mengenakan caj ke atas kenderaan persendirian memasuki kawasan bandar yang dikatakan sesuai sebagai antara langkah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah itu boleh membebaskan rakyat jika dilaksanakan.

Selain itu, katanya, ia belum sesuai dilaksanakan dalam masa terdekat kerana infrastruktur pengangkutan awam yang menyeluruh masih dalam proses pembangunan.

"Sesetengah negara mengenakan bayaran lain untuk masuk ke kota bagi menggalakkan pengangkutan awam, kita tidak cadangkan itu buat sementara ini, kerana kita rasa mungkin membebaskan.

"Namun, jika lingkaran pengangkutan awam adalah menyeluruh dan baik di kota besar, maka harus memikirkan perkara itu," katanya berucap merasmikan

kan Terminal Bersepadu Gombak (TBG), di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Pada Februari lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, dilaporkan berkata kerajaan sedang mengkaji keberkesanan caj kesesakan itu dalam mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di ibu negara.

Percepat bina projek rakyat

Pada masa sama, Perdana Menteri mahu seluruh jentera kerajaan dan pihak berkaitan mempercepatkan langkah dalam sebarang pembinaan projek membabitkan kemudahan rakyat.

Beliau berkata, pihaknya tidak mahu projek yang tertangguh sekian lama seperti mana yang berlaku pada TBG menyebabkan kerajaan menanggung kerugian.

"Ini bermakna dari segi kerangka kita dalam negara MADANI, perlu perkasa struktur dan ketersediaan sambil memberi tumpuan semasa," katanya.

Perdana Menteri turut menekankan kawasan baharu perlu diintegrasikan dengan kemudahan lain, antaranya terminal seperti mana TBG selain pasar, dewan, sekolah vertikal dan perumahan rakyat bagi menjadikan ia sebagai pusat kota baharu.

Beliau berkata, projek terminal seperti TBG perlu menjadi pemangkin pembangunan yang lebih besar seperti mana dilaksanakan di kota besar seperti Tokyo, Jepun dan London.



Anwar bersama Loke ketika merasmikan Terminal Bersepadu Gombak di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Katanya, ia penting supaya sesuatu kawasan itu boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat, selain menjadi contoh yang baik untuk pembangunan serupa.

"Projek boleh dimanfaatkan sepenuhnya kalau matlamat kita menyediakan prasarana itu secara menyeluruh. Bukan sekadar canggih sahaja, tetapi tidak memenuhi keperluan rakyat.

"Tetapi di setiap stesen disediakan tempat perniagaan, hotel, restoran atau kemudahan jabatan (kerajaan) dia akan menjadi satu pusat kota yang baharu.

"Begitu juga di TBG perlu digabungkan dengan Stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), dia memudahkan perjalanan ra-

kyat," katanya.

Beliau berkata, projek terminal bersepadu itu juga perlu dibangunkan di luar Wilayah Persekutuan antaranya Pahang, Terengganu dan Kelantan bagi meningkatkan kadar pertumbuhan ekonominya yang mungkin terhad sebelum ini.

Mengenai TBG, terminal moden bernilai RM307.4 juta ini menjadi hab pengangkutan darat utama menghubungkan bas ekspres, projek transit aliran ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya, dan bakal berintegrasi dengan ECRL Gombak apabila siap kelak.

Sejak mula beroperasi pada 5 Mac lalu, TBG menempatkan 30 pengendali bas ekspres dengan

purata 3,000 trip sebulan. Terminal terbabit mampu menampung sehingga 700 perjalanan bas sehari, membabitkan kira-kira 25,000 penumpang.

TBG dibangunkan melalui model *Build-Lease-Maintain-Operate-Transfer* (BLMOT) dan diurus syarikat konsesi TEGAS untuk tempoh 25 tahun sebelum diserahkan semula kepada kerajaan.

Ia turut dilengkapi dengan *Central Ticketing System* (CTS) yang telus, *Terminal Operation System* (TOS) masa nyata, serta reka bentuk berkonsepkan *Transit-Oriented Development* (TOD) yang menggabungkan elemen pengangkutan, perniagaan, kediaman dan gaya hidup.